

Malaysia tetap sertai sidang Jakarta

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia tetap menghadiri Sidang Pergerakan Berkecuali (NAM) di Jakarta walaupun dengan penyertaan Serbia, sekiranya majoriti negara anggota membenarkan penyertaannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita memang tidak bersetuju dengan penyertaan mereka kerana tidak ada negara Yugoslavia lagi, yang ada hanya Serbia."

"Tetapi, jika majoriti negara anggota mahu Serbia menyertai NAM, kita akan patuh kepada pendirian majoriti," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan

Hari Wanita, di sini hari ini.

Menurutnya, Malaysia belum membuat keputusan sama ada akan mengemukakan bantahan terhadap penyertaan Serbia secara rasmi di sidang di Jakarta atau mengesyorkan supaya Yugoslavia dikeluarkan daripada pertubuhan itu.

"Kita sedang menimbang kemungkinan itu dan keputusan akan dibuat dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan Khamis ini," katanya.

Pendirian Malaysia itu berikutan tindakan keganasan puak Serb terhadap masyarakat Islam di Bosnia-Herzegovina, yang

dulunya adalah satu daripada enam wilayah dalam Yugoslavia.

Yugoslavia adalah satu daripada negara pengasas NAM dan sehingga kini belum menyerahkan jawatan Pengerusi kepada Indonesia yang menjadi tuan rumah persidangan kali ini.

Malaysia adalah antara negara pertama yang menyuarakan pendirian tegas mengenai isu Bosnia-Herzegovina, termasuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Belgrade dan mengarahkan kedutaannya di sini ditutup, manakala pegawainya meninggalkan negara ini.